

>>Oleh Mohd Firdaus Ibrahim dan Siti Na'imah Mohamed

am@hmetro.com.my

Simbah asid isteri dah tua

Metro 6/6/12 MS.

KUALA LUMPUR: Harganya kerana benci melihat isterinya yang sudah berusia selain mempunyai wanita simpanan, seorang suami berusia lewat 40-an bukan saja tergamak memukul wanita berkenaan, malah menyimbah asid ke muka mangsa.

Akibat perbuatan kejam suaminya, mangsa yang berusia 41 tahun dan bekerja sebagai pengawal keselamatan mendakwa tidak lagi dapat melihat sejak kejadian yang berlaku di rumah mereka di Bangsar, kira-kira jam 10 pagi, 31 Mei lalu.

Mangsa yang tidak dibenar mendapatkan rawatan di hospital, bagaimanapun nekad memberanikan diri dengan membuat laporan di Balai Polis Travers, di sini, kelmarin dengan bantuan ahli keluarganya.

Sumber berkata, sebelum kejadian, mangsa yang sedang bertugas didatangi suaminya bersama seorang wanita dipercayai teman wanita suspek menaiki kereta.

Suami ada kekasih ugut bunuh jika mangsa lapor polis

“Suspek kemudian terus memaksa wanita itu mengekorinya, namun mangsa enggan menyebabkannya dipukul.

“Berikutan itu, suspek terus mengikat tangan mangsa menggunakan kain sebelum mengheretnya masuk dalam kereta,” katanya.

Menurutnya, mangsa kemudian diugut oleh suaminya untuk disimbah asid ke muka dan bimbang dengan ugutan itu, mangsa hanya mendiamkan diri dan akur dengan arahan suspek.

Bagaimanapun, katanya, penderitaan mangsa tidak

berakhir apabila dia yang dibawa ke sebuah rumah dua tingkat di Jalan Maarof di sini, sekali lagi diterajang oleh suaminya.

“Ketika itu, suami mangsa bertindak lebih kejam apabila turut menyimbah asid ke wajah mangsa,” katanya.

Sumber berkata, selepas memukul isterinya lebih 20 minit, suspek kemudian membawa mangsa pulang ke rumah.

“Suspek juga mengugut akan membunuh mangsa jika membuat laporan polis,” katanya.

Katanya, mangsa yang ber-

jaya mendapatkan bantuan daripada ahli keluarganya kemudian membuat laporan di Balai Polis Travers, di sini.

Difahamkan, sehingga kini, tiada tangkapan dilakukan, namun usaha memburu suspek giat dijalankan.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu dan berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan.